

# **PERBARISAN MENGARAK PANJI-PANJI SPB YDP AGONG SEMPENA HARI KEPUTERAAN RASMI SPB YDP AGONG XV**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3886-perbarisan-mengarak-panji-panji-spb-ydp-agong-sempena-hari-keputeraan-rasmi-spb-ydp-agong-xv](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3886-perbarisan-mengarak-panji-panji-spb-ydp-agong-sempena-hari-keputeraan-rasmi-spb-ydp-agong-xv)

PUTRAJAYA, 12 Sept 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM turut hadir di Istiadat Mengarak Panji-Panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini, di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya.

Perbarisan disertai 21 Das Tembakan Meriam Kehormatan yang disempurnakan oleh 41 Bateri Istiadat, Rejimen Artileri Diraja diketuai oleh Mejar Mohd Asri bin Che Wil dan Terbang Lintas oleh 5 buah helikopter ATM yang membawa bendera Jalur Gemilang, Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia yang diketuai oleh Mejar Narul Nizam bin Ismail TUDM. Lima Panji-Panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-XV, Sultan Muhammad V diarak iaitu Panji-Panji Rejimen Askar Melayu Diraja, Rejimen Renjer Diraja, Kor Armor Diraja, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Panji-Panji Tentera Udara Diraja Malaysia.

Perbarisan ini diketuai oleh Lt Kol Mohd Radzi bin Othman, Pegawai Memerintah, Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, iaitu 28 pegawai dan 550 anggota Lain-lain Pangkat (LLP). Turut dipersembahkan adalah pancaragam yang mengiringi istiadat perbarisan dari pancaragam gabungan Pusat ATM di bawah pimpinan Mejar Muhammad Nor Azizan bin Yahya.

Istiadat ini dilaksanakan pada setiap tahun di peringkat Persekutuan. Sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong disambut dalam upacara istiadat gilang gemilang di mana Panji-Panji ini merupakan satu penghormatan dan lambang kemegahan, semangat dan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh ATM terhadap Raja dan Negara.

Turut hadir ke majlis istiadat adalah Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Dr. Wan Ismail, Timbalan Menteri



Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong, Panglima Tentera Darat, YBhg Jeneral Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah bin Hj Mohd Nawawi mewakili Panglima Angkatan Tentera, Panglima-panglima Perkhidmatan serta anggota Angkatan Tentera Malaysia.



